

Musa diarah selesai- krisis politik Sabah

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan Datuk Musa Hitam menyelesaikan pertelingkahan politik antara USNO-Berjaya dalam lawatannya ke Sabah Ahad ini.

"Satu formula akan dikemukakan untuk menyelesaikan pertelingkahan kedua parti tersebut berhubung dengan kedudukan calon Bebas," tegas beliau ketika diminta mengulas mengenai kedudukan parti berkenaan.

USNO-Berjaya merupakan anggota komponen BN di peringkat Pusat tetapi USNO sebagai pembangkang di peringkat Kerajaan Negeri Sabah.

Dalam pilihanraya 22 April ini, parti Berjaya dengan terang-terang menyebut parti itu meletakkan lima calon Bebas untuk menentang calon BN dari USNO sebagai penyelesaian politik yang unik di negeri itu.

Lima calon tersebut termasuk Ketua Pemuda Berjaya, Haji Yahaya Lampong yang bertanding di Kota Belud. Manakala empat kawa-

san lagi ialah Marudu, Silam, Hillir Padas dan Labuk Sugut.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN Pusat memberitahu, pertelingkahan yang berlaku dalam di antara kedua parti itu merupakan masalah dalam parti BN.

"Ia akan dapat diselesaikan melalui rundingan antara parti yang terlibat.

"Datuk Musa selaku Timbalan Pengerusi BN akan ke Sabah dan mengutarakan beberapa formula bagi membendung masalah yang meli-

batkan calon Bebas tersebut," tegas beliau.

Perdana Menteri menegaskan, "Saya tidak percaya penyelesaian terhadap masalah kedua parti itu dengan membubarkan antara salah satu antara dua parti tersebut, sama ada USNO atau Berjaya.

Menjawab satu soalan beliau menegaskan, arahan telah dikeluarkan kepada Ketua parti komponen supaya memecat sesiapa sahaja yang bertanding atau menyokong calon Bebas.

"Arahan ini adalah tegas dan mesti dilaksanakan oleh setiap

parti komponen," tambah beliau.

Pemimpin BN itu juga menjelaskan, "Sesilapa yang bertanding mengharapkan akan diambil menyertai BN semula, mereka itu hanya menggali kubur sendiri.

"BN tidak akan menerima mereka itu dan mereka hanya menggalian kubur mereka sendiri," ulangnya lagi.

Di tanya mengapa calon Bebas Kinabalu, Encik Mark Koding yang bertanding pada tahun 1978 diterima menjadi calon BN dalam pilihanraya ini beliau berkata,

itu merupakan amalan biasa dalam sesebuah parti.

"Tetapi ia tidak mungkin akan dinikmati oleh setiap orang," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, BN tidak akan menerima kelima-lima calon Bebas yang bertanding menentang calon BN dari USNO sekali pun mereka menang.

"Mereka tidak akan diterima menjadi anggota komponen dan arahan telah pun dibuat supaya mereka itu dipecat," tegasnya lagi.